

04/11/2003

Sexis dekatkan Anita, peminat muda

Zul Husni Abdul Hamid

LEBIH sedekad penghibur antarabangsa, Anita Sarawak tidak merakamkan album. Namun, apabila kembali semula ke studio untuk projek rakaman album terbarunya, penyanyi ini ternyata tidak berdepan dengan sebarang masalah besar.

Bermula 21 Oktober lalu, Anita memulakan rakaman album terbarunya, Sexis yang ditangani penerbit muda seperti Edry, Archie dan Neves (Pretty Ugly).

Ketika Persada Seni dijemput menyaksikan proses rakaman, Selasa lalu, Anita sedang bersiap sedia untuk merakamkan lagu kesembilan, Mati Takkan Hidup Semula.

"Semuanya berlalu begitu pantas. Lebih senang begini kerana Kak Nita memang inginkan semuanya selesai cepat. Kak Nita sebenarnya sudah tidak sabar lagi untuk kembali bertemu peminat dengan lagu baru," kata penghibur kelahiran Singapura itu.

Biarpun baru seminggu berada di studio, penghibur yang selesa membahaskan dirinya sebagai Kak Nita itu, berjaya melaksanakan tanggungjawabnya dengan cukup berkesan. Dia tidak mengambil masa lama untuk merakamkan sesebuah lagu.

Ada ketikanya, Anita merakamkan dua lagu pada satu hari.

Kesungguhan yang ditunjukkan Anita memeranjatkan pihak pengurusan KRU Music Group (KMG). Album itu akan memasuki pasaran seminggu sebelum sambutan Aidilfitri.

"Sudah menjadi kebiasaan, Kak Nita akan melakukan persediaan sebelum masuk studio. Tambahan pula, kali ini Kak Nita gembira dengan semua lagu yang dihasilkan. Jadi, ini mempercepatkan lagi proses rakaman," katanya.

Ditemani suaminya, Mohd Mahathir Abdullah, Anita menganggap album terbaru yang berakhir proses rakaman pada 31 Oktober lalu, begitu memberi kepuasan kepadanya. Baginya, sentuhan komposer yang terbabit ada keistimewaan tersendiri.

"Seronok kerana mereka begitu profesional. Cinta mereka terhadap muzik juga mendalam. Jadi, ini memudahkan komunikasi kami ketika berada di studio. Alhamdulillah, apa yang mereka inginkan, Kak Nita dapat menjiwai dengan baik," katanya.

Biarpun pertama kali bekerjasama, mereka jelas tidak mengetepikan identiti muzik Anita yang pekat dengan elemen R&B pop dan punk. Anita yang banyak bekerja dengan Archie, turut menggunakan ruang itu untuk memperkenalkan lagunya kepada peminat muda.

"Sebelum memilih lagu, Kak Nita ada juga mendengar lagu yang mereka cipta untuk penyanyi lain. Sentuhan mereka untuk setiap penyanyi ada kelainan. Untuk Kak Nita, mereka sediakan lagu yang ditulis khas.

"Banyak pembaharuan dalam album ini, harap peminat akan menyukainya. Kak Nita juga mahu memperkenalkan album ini kepada peminat generasi baru.

Ketika diundang sebagai pengkritik Akademi Fantasia tidak lama dulu, banyak peminat muda bertanya mengenai album terbaru Kak Nita," katanya.

Untuk album itu, Anita turut berduet dengan Norman dalam lagu Diva, selain merakamkan semula lagu popularnya, Akhirnya Kini Pasti. Anita seterusnya akan bekerjasama dengan Yusry dalam penghasilan klip video yang turut membabitkan idea suaminya.

Anita yang mengambil keputusan menetap di Kuala Lumpur selama setahun, juga bakal menghadihkan peminta dengan buku masakannya sendiri, Cooking With Love. Diterbitkan dalam bahasa Inggeris, buku yang bersifat peribadi

kepada Anita itu menyediakan 20 resipi istimewa gabungan masakan Melayu, Cina, Thai, Vietnam, Perancis dan Itali.

Antaranya ialah resipi air tangan arwah ibunya, Seniwati Siput Sarawak iaitu sup ekor. Masakan itu adalah makanan kegemarannya hingga ke hari ini.

"Banyak gambar menarik Kak Nita serta Abang Mahathir ketika kecil dimuatkan dalam album ini. Begitu juga dengan puisi yang abang Mahathir coretkan ketika kami bercinta dulu selain gambar hadiah pemberiannya.

"Kak Nita tidak mahu menghasilkan sebuah buku yang stereotaip. Jangan terkejut, ada gambar Kak Nita berpakaian glamour tetapi meredah pasar basah pada awal pagi. Fotografi ini dilakukan di Singapura tidak lama dulu," ceritanya mengenai buku masakan yang akan berada di pasaran Februari ini.